

IMPAK AGIHAN ZAKAT TERHADAP PENDIDIKAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI JERANTUT, PAHANG

THE IMPACT OF ZAKAT DISTRIBUTION ON THE EDUCATION OF THE INDIGENOUS COMMUNITY IN JERANTUT, PAHANG

Nurul Nadzirah Abdul Nasir¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari , Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: nurulnadzirah@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 14-2-2023
Revised date : 15-2-2023
Accepted date : 15-3-2023
Published date : 30-3-2023

To cite this document:

Abdul Nasir, N. N, (2023). Impak Agihan Zakat Terhadap Pendidikan Masyarakat Orang Asli di Jerantut, Pahang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 64 - 69.

Abstrak: Zakat merupakan kewajipan yang perlu dikeluarkan oleh golongan kaya bagi membantu golongan miskin.. Masyarakat Orang Asli yang beragama Islam sering terlepas pandang dari sudut pengagihan zakat kerana mereka tinggal di pedalaman dan tidak tahu cara memohon zakat. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti impak agihan zakat terhadap pendidikan masyarakat Orang Asli di Jerantut, Pahang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan menemubual seramai 5 orang pegawai Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang terlibat dengan pengagihan zakat kepada masyarakat Orang Asli. Hasil kajian mendapati bahawa agihan zakat kepada masyarakat Orang Asli dapat membantu sedikit sebanyak dalam memajukan pendidikan dalam kalangan anak-anak mereka. Kajian ini juga dapat mengenalpasti bentuk-bentuk bantuan yang diagihkan oleh pihak MUIP bagi memajukan pendidikan anak-anak Orang Asli.

Kata Kunci: Miskin, Orang Asli, Pendidikan, Agihan Zakat

Abstract: Zakat is an obligation that needs to be issued by the rich to help the poor.. The Orang Asli community who are Muslim are often overlooked from the perspective of zakat distribution because they live in the countryside and do not know how to apply for zakat. Therefore, this study was conducted to identify the impact of zakat distribution on the education of the Orang Asli community in Jerantut, Pahang. This study uses a qualitative approach by interviewing a total of 5 officials of the Pahang Council of Islamic Religion and Malay Customs (MUIP) who are involved in the distribution of zakat to the Orang Asli community. The results of the study found that the distribution of zakat to the Orang Asli community can help to some extent in advancing education among their children. This study can also identify the forms of assistance distributed by the MUIP to advance the education of Orang Asli children.

Keywords: Poor, Orang Asli, Education, Zakat Distribution

Pengenalan

Zakat merupakan rukun Islam yang keempat dan merupakan kewajipan kepada setiap umat Islam yang berkemampuan untuk mengeluarkannya. Zakat dikeluarkan bagi merapatkan jurang pendapatan antara orang kaya dan orang miskin (Johari et al., 2015). Zakat juga berperanan sebagai satu mekanisme pengagihan pendapatan secara adil dan boleh merancakkan kegiatan ekonomi dalam sesebuah negara bagi memenuhi fungsinya sebagai alat fiskal semula jadi Allah SWT (Kadri & Noor, 2012). Zakat wajib diagihkan kepada lapan golongan sepertimana yang termaktub dalam Al-Quran iaitu orang fakir, orang miskin, amil, mualaf, hamba sahaya yang ingin memerdekakan dirinya, orang yang berhutang, orang yang berjuang di jalan Allah dan musafir (Surah At-Taubah,60). Tujuan Allah menetapkan pembahagian zakat kepada lapan orang asnaf ini sahaja untuk mengelakkan sebarang penyelewengan atau kebocoran agihan zakat (Majid, 2003). Hal ini kerana zakat berkemungkinan diagihkan kepada orang yang tidak layak menerima atau diambil kesempatan oleh golongan-golongan tertentu.

Walaupun Al-Quran telah menetapkan lapan asnaf yang wajib diagihkan zakat, namun kemiskinan masih membelenggu masyarakat Islam sehingga ke hari ini terutamanya masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat minoriti yang tinggal di pedalaman. Keadaan ini menyukarkan institusi zakat untuk menjejaki mereka bagi menyalurkan agihan akat yang sepatutnya. Selain itu, komuniti Orang Asli ini hanya bergaul dalam kalangan mereka sahaja dan tidak terdedah kepada masyarakat luar menjadikan mereka tidak mengetahui bahawa mereka layak menerima zakat di samping tidak mengetahui cara memohon bantuan zakat. JHEOA (2003) melaporkan bahawa 80% isi rumah Orang Asli masih berada di bawah garis kemiskinan dan 50% daripadanya dikategorikan sebagai miskin setelah meninjau pencapaian pembangunan Orang Asli selepas 40 tahun. Menurut Chin, et.al, (2021), masyarakat ini menyumbang sebanyak 15% kadar kemiskinan tegar di seluruh dunia walaupun hanya membentuk 5% daripada seluruh populasi dunia.

Kajian yang lepas banyak menekankan bentuk agihan zakat yang diterima mualaf dalam kalangan Orang Asli sahaja. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Ismail (2018), jenis bantuan yang diberikan kepada mualaf Orang Asli terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bantuan sara diri, bantuan nilai keagamaan, dan bantuan umum. Bantuan dari sudut pendidikan terhadap anak-anak Orang Asli masih berada di tahap yang rendah kerana kebanyakan ibu bapa Orang Asli tidak menitikberatkan pendidikan anak-anak mereka. Menurut Salleh & Ahmad (2009), ibu bapa Orang Asli mula menunjukkan minat terhadap pendidikan apabila masyarakat luar mula menunjukkan minat terhadap pendidikan Orang Asli. Namun begitu, ia tetap tidak mengubah persepsi mereka terhadap pendidikan apabila kurangnya bantuan serta sokongan terhadap anak-anak Orang Asli. Ini terbukti melalui kajian yang dijalankan oleh Hanafi, Ahmad & Ali (2014) di mana ibu bapa Orang Asli tidak pernah menyediakan bahan bacaan untuk anak-anak mereka apatah lagi bertanya atau memeriksa kerja sekolah. Ibu bapa mereka juga beranggapan bahawa sekolah merupakan tempat untuk mendapatkan makanan yang bagus dan tempat anak-anak mereka bermain (Abdullah, et.al, 2016).

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti impak agihan zakat terhadap pendidikan masyarakat Orang Asli dan diharapkan agihan zakat yang disumbangkan oleh institusi zakat dapat membantu menambah baik taraf kehidupan Orang Asli dari sudut pendidikan.

Kajian Literatur

Setiap rakyat Malaysia berhak mendapat pendidikan yang baik termasuklah masyarakat Orang Asli. Namun begitu, masyarakat Orang Asli sering terpinggir daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan termasuk pendidikan. Antara faktor yang menyebabkan mereka terpinggir ialah kadar literasi yang rendah, lokasi geografi yang jauh di pedalaman, sikap tertutup, dan persepsi negatif masyarakat luar. Masyarakat Orang Asli tidak ramai yang menguasai 3M (membaca, menulis, dan mengira) kerana penguasaan mereka terhadap Bahasa Melayu adalah rendah. Anak-anak Orang Asli sudah terbiasa menggunakan dialek etnik masing-masing dan tidak bergaul dengan masyarakat luar (Hassan & Ramli, 2020). Justeru itu, anak-anak Orang Asli tidak dapat mengikuti beberapa subjek yang diajar mengikut standard pengajaran dalam kelas kerana mempunyai masalah kefahaman (Nordin & Wahab, 2021) selain para guru yang mengajar tidak memahami adat dan budaya mereka (Abdullah, et.al, 2013). Menurut Salleh & Ahmad (2009), lokasi geografi Orang Asli membataskan mereka untuk mendapatkan akses kemudahan pendidikan yang lebih baik seperti perpustakaan, alat komunikasi, dan pengangkutan awam. Di samping itu, sikap tertutup dan terikat dengan adat masyarakat Orang Asli menyebabkan mereka gagal untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ibu bapa mereka tidak berminat kepada pendidikan dan lebih menyukai jika anak-anak membantu mereka mencari hasil pendapatan. Faktor ibu bapa berkahwin awal turut mempengaruhi tahap akademik anak-anak Orang Asli di mana mereka tidak mengetahui kepentingan pendidikan kepada masa depan anak-anak mereka. Kediaman yang tidak selesa juga tidak menyediakan ruang yang kondusif untuk anak-anak Orang Asli menyiapkan kerja sekolah dan mengulangkaji pelajaran.

Seterusnya, masyarakat luar sering memandang hina terhadap masyarakat Orang Asli. Masyarakat luar terutama masyarakat Melayu sering tidak menghormati masyarakat Orang Asli dan menganggap mereka seperti masyarakat kelas kedua. Hal ini kerana masyarakat orang Asli mempunyai banyak kekeurangan seperti kemudahan asas, keciciran dalam pendidikan, kesihatan, kemiskinan dan lain-lain (Wahab et al, 2013). Selain itu, masalah kewangan turut menghantui masyarakat Orang Asli kerana mereka hanya bergantung kepada pendapatan hasil hutan yang sedikit untuk menyara kehidupan seharian. Kajian yang dijalankan oleh Isa et.al, (2016) mendapati bahawa daripada 100 orang anak Orang Asli yang mendaftar bagi kemasukan tahun satu, hanya enam orang sahaja yang berjaya menamatkan persekolahan sehingga tingkatan lima. Menurut Razak (2020), agihan zakat pendidikan dalam bentuk fasiliti pendidikan dapat membantu masyarakat mengelakkan keciciran dalam pembelajaran seterusnya dapat meneruskan pengajian.

Justeru itu, penulis berasa wajar bagi pihak institusi zakat untuk mendekati golongan ini bagi membantu meringankan beban mereka dengan memberikan sumbangan atau bantuan dari sudut pendidikan untuk anak-anak mereka. Hal ini kerana dengan agihan zakat yang sewajarnya dapat membantu mereka mendapat pendidikan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui impak agihan zakat terhadap masyarakat Orang Asli.

Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temu bual semi-berstruktur. Temu bual semi-berstruktur dijalankan bagi mendapatkan maklumat daripada pihak MUIP yang bertanggungjawab mengagihkan zakat. Menurut Clayton (1997), jumlah sampel yang sesuai adalah di antara 5 hingga 10 orang jika sampel kajian bersifat tidak seragam. Oleh itu,temu bual telah dijalankan ke atas 5 orang pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) melalui platform Google Meet. Persampelan yang digunakan

ialah persampelan bertujuan iaitu panel dipilih berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam menguruskan hal-ehwal Orang Asli.

Jadual 1: Profil Panel Temu Bual

Bil.	Jawatan dalam MUIP	Tempoh Berkhidmat
Panel 1	Unit Pembangunan Asnaf MUIP	31 tahun
Panel 2	Ketua Unit Pembiayaan MUIP	11 tahun
Panel 3	Ketua Unit Pembangunan Modal Insan dan Pendaftar Muallaf	9 tahun
Panel 4	Pegawai Hal Ehwal Islam	10 tahun
Panel 5	Penolong Pegawai Dakwah	3 tahun

Dapatan

Jadual 2: Hasil Dapatan Kajian Daripada Temu Bual

Bil.	Hasil Dapatan
Panel 1	Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) tidak memperuntukkan bantuan khas pendidikan kepada masyarakat Orang Asli kerana mereka telah mendapat peruntukan khas daripada pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Namun sekiranya masyarakat Islam dalam kalangan Orang Asli membuat permohonan bantuan pendidikan daripada pihak MUIP, maka pihak MUIP akan membantu mereka di atas kapasiti asnaf muallaf, fakir atau miskin.
Panel 2	Peruntukan dari segi pendidikan disalurkan secara proaktif kepada masyarakat Orang Asli di daerah Jerantut di bawah unit muallaf dan saudara baru. Impak yang dapat dilihat daripada penyaluran bantuan ini ialah tersebarnya syiar Islam, penghayatan dan hidayah. Pihak MUIP merancang untuk menghantar anak-anak Orang Asli ke sekolah-sekolah agama hingga ke IPT agar mereka dapat membentuk kerjaya yang lebih baik serta membantu keluarga dan komuniti mereka.
Panel 3	Terdapat peruntukan pendidikan yang disalurkan kepada SK Kampung Bantal, Ulu Tembeling berdasarkan permohonan pihak PIBG. Permohonan yang dibuat bertujuan untuk menyelaraskan pendidikan KAFA/PETAMA di bawah Yayasan Pahang. Penajaan diberi berdasarkan kuantiti pelajar sebanyak RM2400 setahun per kepala, menggunakan kapasiti asnaf fisabilillah. Agihan dibuat melalui Unit Pembangunan Modul Insan dan permohonan dibawa ke Unit Pendidikan. Terbaharu, Pilot Projek bersama Jabatan Kementerian Pahang akan mula menaja anak-anak Orang Asli masuk ke sekolah agama. Mereka akan ditaja secara keseluruhan bermula dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 6 atas. Program baharu ini diadakan bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar menguasai pengetahuan agama agar mampu mendidik penduduk kampung mereka.
Panel 4	Pihak MUIP menyediakan bantuan pendidikan kepada anak-anak Orang Asli yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma dan ijazah sebanyak RM500. Pada tahun pertama, mereka akan dibantu dengan dermasiswa sebanyak RM1200 mengikut bidang pengajian masing-masing yang dibayar setahun sekali (<i>one-off</i>). Pihak MUIP juga turut memberikan saguhati pembelajaran kepada anak-anak Orang Asli di bawah Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) Yayasan Pahang.

Panel 5	Pihak MUIP memberi beberapa bentuk bantuan seperti bantuan tahunan, bantuan hari raya ataupun saguhati kepada pelajar-pelajar PETAMA. Mana-mana pelajar yang terbaik dalam PETAMA, pihak MUIP akan melantik mereka untuk menjadi PePIMA iaitu sebagai pembantu penggerak di kampung Orang Asli. Pihak MUIP memberi elaun kepada mereka sebanyak RM 900 manakala Yayasan Pahang membayar sebanyak RM 600.
---------	--

Daripada temu bual yang telah dijalankan ke atas 5 orang panel, penulis mendapati pihak MUIP sangat menitikberatkan pendidikan anak-anak Orang Asli berdasarkan bantuan dan insentif pendidikan yang disediakan. Anak-anak Orang Asli yang telah tamat pengajian akan menjadi pendakwah untuk mencurahkan bakti kepada keluarga dan komuniti mereka. Selain itu, dengan mendapat peluang pekerjaan sebagai pendakwah ini dapat membantu keluarga mereka untuk keluar daripada kepompong kemiskinan seterusnya meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih baik.

Perbincangan dan Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat impak agihan zakat terhadap pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Jerantut, Pahang. Kajian mendapati aspek pendidikan amat dititikberatkan oleh pihak MUIP dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan untuk anak-anak Orang Asli. Tujuan MUIP menyediakan pelbagai bantuan adalah untuk mendedahkan masyarakat Orang Asli dengan ilmu pengetahuan terutama ilmu agama supaya mereka boleh berdakwah kepada keluarga dan komuniti mereka seterusnya dapat mengubah taraf hidup mereka. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli sering terpinggir daripada aspek pendidikan berbanding masyarakat Melayu kerana tinggal jauh di pedalaman. Justeru itu, MUIP seharusnya terus berusaha untuk menjejak masyarakat minoriti ini dan terus menyalurkan bantuan agar mereka tidak kembali kepada agama asal atau murtad jika diabaikan.

MUIP perlu melakukan usaha penambahbaikan dalam aspek pengagihan zakat agar masyarakat Orang Asli tidak tercicir. Antaranya ialah MUIP perlu menambah bilangan pegawai zakat yang berpengalaman bukan sekadar berkelulusan dalam bidang agama. Selain itu, MUIP juga boleh menambahbaik sistem pangkalan data mengenai maklumat-maklumat asnaf yang layak untuk menerima zakat dengan mengemaskini pada setiap bulan termasuk masyarakat Orang Asli. Seterusnya, kerenah birokrasi juga perlu dikurangkan agar permohonan zakat daripada asnaf cepat diproses dan diluluskan. MUIP juga perlu meletakkan amil di setiap perkampungan Orang Asli untuk mengumpul data keluarga Orang Asli yang layak menerima zakat seterusnya melaporkan kepada pihak MUIP. Ini bagi memudahkan masyarakat Orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman yang menyukarkan mereka untuk berulang-alik ke pejabat MUIP di bandar bagi mengisi borang permohonan, bertanya status permohonan, dan sebagainya.

Diharapkan agar kajian ini dapat membantu menambahbaik institusi pengagihan zakat khususnya MUIP dalam aspek pengagihan zakat, pentadbiran yang sistematik, dan kualiti perkhidmatan. Secara tidak langsung, ia dapat membantu pihak yang terlibat dalam mencapai objektif dan sasaran agihan iaitu untuk menambahbaik status pendidikan masyarakat Orang Asli di Malaysia, khususnya di Jerantut, Pahang.

Rujukan

- Abdullah, M.F., Othman, A., Edo, J., Jani, R., Abdullah, M.T., & Simin, M.H.A. (2016). Parent's perception on formal education among indigenous in Malaysia. *Kertas kerja International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016)*. Bandung, Indonesia.
- Abdullah, R., Mamat, W. H. W., Amir Zal, W. A., & Ibrahim, A. M. (2013). Teaching and learning problems of the Orang Asli Education: Students' perspective. *Asian Social Science*, 9(12 SPL ISSUE), 118–124. <https://doi.org/10.5539/ass.v9n12p118>
- Chin, Y. W., Ramlan, S. F. M., Ahmad, M. R., Ab Manaf, N., Lyndon, N., & Wei, L. J. Asli (2021). Persepsi Ibu Bapa Orang Asli Terhadap Pengalaman Pendidikan Anak-anak Orang Asli di Sekolah.
- Clayton.M.J. (1997). Delphi: A Technique to Harness Expert Opinion for Critical Decision-Making Tasks in Education. *Educational Psychology*, 17(4), 373-384
- Hanafi, W. A. W., Ahmad, S., & Ali, N. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (5). pp. 107-122. ISSN 2180-2491
- Hassan, P., & Ramli, M. A. (2020). Isolasi Sosio-Budaya Masyarakat Orang Asli di Malaysia dan Kesannya Terhadap Pentafsiran Hukum Islam: The Isolation of the Socio-cultural of Indigenous Community in Malaysia and Its Effect towards the Interpretation of IslamLaw. *Journal of Fatwa Management and Research*, 1-20.
- Isa, N. F. A. M., Sobri, N. N. A., & Hashnuddin, S. (2016). Analisis trend penyertaan dan keciciran di kalangan pelajar Orang Asli. *Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Ismail, S. (2018). *Kesan Agihan Zakat Terhadap Keagamaan Dalam Kalangan Muallaf Orang Asli di Pahang*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur
- JHEOA. (2003). Majlis Taklimat JHEOA kepada YB Dato' Azman Abd. Rashid, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. 18 Ogos 2003. Tidak Diterbitkan
- Johari, F., Ali, A. F., & Muhammad, A. B. (2015). The Role of Zakat Distribution among Muallaf (New Convert) in Reducing Poverty in Selangor, Malaysia. *Journal of Economic Policy Researches*, 2(1), 39-56.
- Kadri, Z., Ahmad, S., & Noor, M. A. M. (2012). Zakat sebagai pemangkin pembangunan ekonomi: Ke arah negara berpendapatan tinggi. *Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju*, 1263-1273.
- Majid, M. Z. B. H. A. (2003). *Pengurusan zakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin, N. A., & Wahab, N. A. (2021). Kertas Konsep Pembangunan Modul Sekolah Rimba Berasaskan Pengetahuan Peribumi Bagi Mengekalkan Kelestarian Masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan*, 1(1), 10-21.
- Razak, S. H. A. (2020). Zakat and waqf as instrument of Islamic wealth in poverty alleviation and redistribution: Case of Malaysia. *International Journal of Sociology and Social Policy*, 40(3–4), 249–266.
- Salleh, M. J., & Ahmad, A. R. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. *Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas. Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Penerbit UKM, Bangi
- Wahab, N.B..A., Mohamed, M., Hassan, A., & Haron, M.N. (2013). Penerapan elemen sekolah rimba Malaysia dalam kalangan murid Orang Asli. In *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*(pp. 424-432). Johor Bahru: Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia.